

1. Rajah berikut berkaitan pemerintahan pusat di Majapahit.



Apakah X?

- ☐ A Kabinet Menteri
- ☐ B Majlis Penasihat Diraja
- ☐ C Majlis Mesyuarat Tinggi
- ☐ D Kementerian Kewangan

2. Mengapakah tanaman padi berkembang pesat dalam kerajaan Angkor?

- ☐ A Iklim sekitar yang sangat sesuai
- ☐ B Mendapat sinar matahari yang cukup
- ☐ C Penglibatan pemerintah membina baray
- ☐ D Pengawalan serangga perosak yang baik

3. Bahan dagangan berikut dibawa dari negara China ke Alam Melayu.

Sutera

Apakah kegunaan sutera tersebut?

- ☐ A Perhiasan
- ☐ B Kain layar
- ☐ C Warkah diraja
- ☐ D Lambang status

4. Rajah berikut berkaitan dengan kedatangan pedagang luar ke pelabuhan kerajaan Alam Melayu.

Daik

- ☐ A Menahan air
- ☐ B Menyimpan makanan
- ☐ C Membekalkan rempah
- ☐ D Melindungi tiupan angin

5. Pentadbiran wilayah di Funan terdiri daripada putera-putera raja. Apakah gelaran yang digunakan oleh mereka?

- ☐ A Raja Kecil
- ☐ B Raja Muda
- ☐ C Putera Bongsu
- ☐ D Putera Mahkota

6. Tasik besar berikut terdapat dalam kerajaan Angkor.

Tasik Tonle Sap

Mengapakah tasik tersebut penting kepada kerajaan tersebut?

- ☐ A Pelabuhan entrepot
- ☐ B Laluan kapal pedagang
- ☐ C Kawasan pungutan cukai
- ☐ D Mengairi kawasan padi sawah

7. Pernyataan berikut berkaitan dengan Raja-raja Srivijaya.

Buddha di bumi

Apakah ciri-ciri raja tersebut?

- ☐ A Digelar sebagai Sri Bahthara
- ☐ B Dilantik sebagai ketua agama
- ☐ C Dipilih sebagai kerajaan besar
- ☐ D Dianggap sebagai Bodhisattva

8. Raja dalam kerajaan Angkor dikaitkan sebagai dewa.
Apakah gelaran yang sesuai digunakan bagi menggambarkan perkara tersebut?

- ☐ A Dewaraja
- ☐ B Cakravatin
- ☐ C Rajadhiraja
- ☐ D Kurung Bnam

9. Antara berikut, yang manakah merupakan tugas ketua dalam kerajaan Kedah Tua?

- I Mengawal keamanan
- II Menjaga keselamatan
- III Memajukan perdagangan
- IV Menguruskan keagamaan

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV


10. Senarai berikut menunjukkan hasil perlombongan di Alam Melayu.

• Emas
• Perak
• Bijih besi

Bagaimanakah hasil lombong tersebut diperoleh?

- ☐ A Menggunakan pam kelikir
- ☐ B Membawa masuk kapal korek
- ☐ C Mendulang secara kecil-kecilan
- ☐ D Mengaplikasikan teknik lombong dedah

11. Rajah berikut merujuk kepada sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu.



Apakah sistem pemerintahan X?

- ☐ A Beraja
☐ B Diktator
☐ C Berpusat
☐ D Demokrasi

12. Antara berikut, yang manakah merupakan kegunaan gamat?

- I Pewangi
II Makanan
III Perubatan
IV Kraftangan

- ☐ A I dan II
☐ B I dan IV
☐ C II dan III
☐ D III dan IV

13. Mengapakah pedagang China datang berdagang ke Alam Melayu?

- ☐ A Membeli pelbagai tekstil
☐ B Mengenali budaya tempatan
☐ C Mendapatkan barangan perubatan
☐ D Memecahkan monopoli perdagangan

14. Senarai berikut menunjukkan pelabuhan di Alam Melayu.

- Tuban
- Sidayu
- Gresik
- Surabaya

Di manakah terletak pelabuhan-pelabuhan tersebut?

- ☐ A Funan
☐ B Srivijaya
☐ C Champa
☐ D Majapahit

15. Mengapakah pemerintah kerajaan Angkor membina *baray*?

- ☐ A Menyimpan air
☐ B Menyuburkan tanah
☐ C Mengelakkan banjir
☐ D Mempertahankan negara

16. Raja dalam dua buah kerajaan berikut mempunyai persamaan dari segi gelarnya.

- Funan
- Champa

Apakah persamaan tersebut?

- ☐ A Dewaraja
- ☐ B Rajadhiraja
- ☐ C Rajakumara
- ☐ D Sri Maharaja

17. Rajah berikut menunjukkan pembuatan yang diusahakan di Majapahit.



Apakah X?

- ☐ A Cuka
- ☐ B Minyak
- ☐ C Tepung
- ☐ D Tembikar

18. Kerajaan Alam Melayu kaya dengan pelbagai sumber alam. Apakah iktibar yang harus diambil daripada kekayaan yang dikurniakan tersebut?

- ☐ A Bijak memanfaatkan alam sekitar demi kemajuan
- ☐ B Bersikap adil ketika mengagihkan keuntungan
- ☐ C Mempunyai pandangan jauh dalam kehidupan
- ☐ D Menjalankan hubungan luar untuk keselamatan

19. Berapakah bilangan pembahagian wilayah pentadbiran kerajaan Champa?

- ☐ A Sembilan buah
- ☐ B Empat buah
- ☐ C Tujuh buah
- ☐ D Lima buah

20. Apakah kerajaan awal yang menggunakan aliran sungai berikut untuk memajukan aktiviti pertanian mereka?

Sungai Brantas

- ☐ A Kerajaan Champa
- ☐ B Kerajaan Srivijaya
- ☐ C Kerajaan Majapahit
- ☐ D Kerajaan Kedah Tua